



JOANNE membuktikan segala teori muzik yang ada dalam dadanya telah dipancarkan menerusi album instrumental gesekan biolanya berjudul *After A Dream*.

Rakam, jual album sendiri

Ketua Jabatan Muzik UPM, Dr. Joanne Yeoh yakin album instrumental yang diterbitkannya mampu dipasarkan secara meluas di Internet

Oleh ABD. AZIZ ITAR

aziz.itar@utusan.com.my
Gambar MOHD. NOOR MAT AMIN

ADA dua perkara menarik yang boleh diperkatakan tentang penggesek biola bernama Dr. Joanne Yeoh ini. Pertama, dia bukan setakat merupakan Ketua Jabatan Muzik di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya menterjemahkan ilmunya dalam bidang muzik ke dunia rakaman album.

Sebaliknya, Joanne membuktikan segala teori muzik yang ada dalam dadanya itu telahpun dipancarkan menerusi album instrumental gesekan biolanya yang terbaru berjudul *After A Dream*. Ia sekali gus membuktikan kewibawaannya sebagai ahli akademik dan juga pemuzik sejati.

Kedua, tidak cukup dengan itu anak sulung daripada dua beradik ini turut berani mengambil inisiatif dengan mengambil risiko merakam serta mengedarkan album tersebut dengan menggunakan perbelanjaannya sendiri sebanyak RM40,000.

Menurut Joanne yang memiliki ijazah doktor falsafah dari Heriot Watt University, United Kingdom pada 2009, dia yakin dengan kemampuannya sebagai pemuzik selain prospek pasaran album di Internet yang terbuka luas di peringkat global.

“Saya memang sengaja tidak mahu menjual album kedua saya itu, *After A Dream* di kedai-kedai muzik. Ini kerana, saya bukannya artis ternama seperti Michael Jackson yang mudah untuk mendapat tempat di hati pemilik kedai. Sebab itu, saya lebih suka jual sendiri album ini melalui online.”

“Saya juga jual album saya sedikit demi sedikit tetapi cara ini berkesan. Contohnya, album pertama saya yang bertajuk *Pulse of the Metropolis* berjaya dijual hampir 10,000 unit pada 2005.

“Untuk album kedua, sebagai permulaan saya juga akan mencetak dan mengedarkannya dalam bentuk CD (cakera padat) sebanyak 500 unit. Selepas habis saya akan cetak lagi mengikut permintaan dan begitulah seterusnya,” katanya kepada *Hits baru-baru ini*.

Joanne ditemui selepas pelancaran *After A Dream* di Pusat Pentadbiran UPM, Serdang, Selangor yang mana album itu mengandungi 10 buah lagu berkoncepcion instrumental.

10 lagu itu berjudul *Simple Gifts*, *Miserlou*, *Dixie's Land*, *Everytime I Pray*, *Greensleeves*, *Khosn Kale Mazel Tov - Hava Nagila*, *Tango*, *After A Dream*,

Danny Boy dan *Goiti Home*.

Jelas Joanne, dengan promosi yang dilakukannya sendiri menerusi laman sesawangnya [www.joanneyeoh.com.my](http://joanneyeoh.com.my) ternyata telah membauhan hasil sedikit demi sedikit terutama buat penggemar album instrumental berteraskan gesekan biola.

“Saya jual album ini dengan harga RM50 bagi setiap CD tetapi saya juga menjualnya dengan harga RM5 bagi setiap sebuah lagu daripada album ini yang dimuat turun daripada album tersebut.

“Cara itu bukan sahaja menjimatkan tetapi juga memberi pilihan buat para pendengar untuk membeli dan mendengar lagu-lagu kesukaan mereka. Apalah lagi, album ini menampilkan pelbagai genre muzik antaranya folk, R&B, soul, jazz dan tradisional,” ujarnya.

Dia yang mula menjadi Ketua Jabatan Muzik UPM sejak dua tahun lalu tidak menghadapi masalah untuk membahagi-bahagikan kerjayanya sebagai ahli akademi dengan bidang muzik yang diceburinya itu.

Sebaliknya, pengalaman sebagai pensyarah muzik selama 13 tahun di UPM turut banyak mengembangkan peluangnya bermain muzik bersama penyanyi terkenal seperti Jacky Cheung serta ramai pemuzik handalan di peringkat antarabangsa.

Joanne misalnya telah mengiringi persembahan Jacky Cheung pada siri konsert bergerak penyanyi Hong Kong itu menerusi *Konsert Music Odyssey Tour 2002/2003* di 40 siri konsert itu di merata-rata tempat di seluruh dunia.

“Saya terpilih menyertai konsert bergerak itu selepas menyertai suatu ujianbat yang diadakan di Kuala Lumpur. Daripada situ saya menimba banyak pengalaman bermain muzik secara profesional. Antaranya kalau di sini pemuzik disuruh datang pulak 4 petang mereka akan datang pada pulak 5 petang.

“Tetapi bagi pemuzik yang profesional di peringkat antarabangsa, kalau di suruh datang pulak 4 petang, pulak 3.45 petang lagi mereka sudah sampai. Itu antara disiplin yang ada dalam diri mereka sebagai pemuzik profesional,” jelasnya.



JOANNE mempromosikan album instrumentalnya di Internet.